


Sistem Pengurusan Kursus INSTUN (eSPEK)

Pengenalan

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) sebagai salah sebuah institut latihan awam di Malaysia berusaha untuk meningkatkan kompetensi penjawat awam melalui latihan-latihan yang dijalankan. Sistem Pengurusan Kursus INSTUN (eSPEK) adalah satu aplikasi yang dibangunkan bagi tujuan meningkatkan kecekapan pengurusan kursus dan memudahkan urusan pelanggan INSTUN berkaitan kursus yang ditawarkan di INSTUN secara dalam talian.

Sistem Pengurusan Kursus (eSPEK) telah mula dibangunkan pada tahun 2006. Ia digunakan untuk memudahkan proses penyelarasan kursus di INSTUN yang melibatkan semua bahagian di INSTUN (Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan, Bahagian Ukur dan Pemetaan, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, dan Bahagian Teknologi Maklumat). Sehingga Disember 2015 terdapat 17,799 pengguna berdaftar eSPEK dengan purata transaksi sebanyak 3,516 sebulan (bagi tahun 2015).



Objektif Inovasi

Tujuan utama sistem ini dibangunkan adalah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kursus dan memudahkan urusan pelanggan INSTUN berkaitan kursus secara dalam talian. Sistem eSPEK dapat digunakan sepenuhnya dengan tujuan untuk memastikan urusan-urusan latihan akan menjadi cepat serta mutu penyampaian latihan dapat dipertingkatkan dan menjadi contoh kepada Institusi-Institusi Awam yang lain selaras dengan visi INSTUN iaitu untuk 'muncul sebagai institusi latihan, rujukan dan penyelidikan yang terunggul dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan selaras dengan wawasan Negara menjelang tahun 2020'.

Latar Belakang Projek

Sebelum sistem ini diimplementasi, pengurusan latihan INSTUN dilaksanakan dalam bentuk manual dan proses ini didapati melambatkan proses pengurusan latihan kerana peserta perlu menghantar borang permohonan kursus setiap kali peserta tersebut memohon kursus di INSTUN. Selain itu semua urusan surat menyurat kepada peserta juga perlu dilakukan secara manual dan terdapat banyak kes peserta tidak mendapat surat berkenaan dan menyebabkan peserta tersebut gagal menghadiri kursus seperti yang telah dijadualkan.

Setelah sistem eSPEK diguna pakai, proses-proses tersebut telah dipermudahkan. Dengan menggunakan sistem ini peserta tidak lagi perlu mengisi maklumat peribadi setiap kali memohon kursus di INSTUN. Urusan surat menyurat termasuk jemputan peserta dan seumpamanya terus di kompil menerusi sistem eSPEK. Malah boleh dikatakan hampir seluruh proses pengendalian kursus adalah melalui sistem ini. Secara dasarnya sistem eSPEK akan menjimatkan masa dan tenaga.

Kumpulan Sasaran dan Skop Liputan

Peningkatan kepada Sistem eSPEK dilakukan secara berfasa mengikut tahun. Sehingga kini sistem ini mempunyai 11 peranan dan 21 modul yang merangkumi antaranya iklan kursus, proses permohonan kursus oleh para peserta, rekod kutipan yuran, rekod kehadiran, tempahan domestik, ujian, penilaian kursus dan laporan kursus. Sasaran utama pengguna sistem adalah kakitangan kerajaan, peserta kursus dan juga pegawai-pegawai INSTUN yang terlibat dalam pengendalian kursus. Semua proses dan modul eSPEK adalah mengikut Sistem Pengurusan Kualiti bagi proses Pengurusan Latihan berdasarkan Standard MS ISO 9001:2008 yang dilaksanakan di INSTUN.

8. IMPAK inovasi berdasarkan 4 kriteria berikut:

- **Kreativiti**

eSPEK merupakan hasil kreaativiti penyelesaian masalah dalam penyediaan statistik dan data latihan peserta kursus INSTUN supaya dapat diterjemahkan dalam bentuk jadual, graf dan data mentah yang akhirnya diproses berdasarkan medan-medan capaian yang boleh dicapai oleh pengguna walaupun mempunyai peranan yang berbeza. Selain pendaftaran kursus yang sistematik, pengurusan asrama yang efisien turut menyumbang kepada penggunaan kreatif sistem yang *multitasking* bagi perolehan data terkini dan jumlah keperluan bilik kuliah dan asrama yang mencukupi Bagi kapasiti dalam satu-satu tempoh masa.

- **Berkesan**

Dari sudut keberkesanan eSPEK mampu menyediakan medan pengisihan maklumat mengikut bulan semasa. Dengan cara ini ketepatan data boleh diperolehi mengikut bulan dan tahun yang dikehendaki menjadikannya data yang tepat untuk penentuan semasa. Medan-medan tertentu diperlukan untuk maklumat penyediaan asrama dan makanan yang mencukupi termasuklah bilik kuliah dan lab yang sesuai dengan bentuk kursus yang telah didaftarkan.

- **Signifikan**

Secara signifikannya , eSPEK berperanan mengemaskini data peserta yang dimasukkan untuk mengetahui populasi sebenar data peserta dari semasa ke semasa. Data-data ini merangkumi biografi peserta, diet peserta, tarikh *check-in* dan *check-out* asrama, serta output terakhir bilangan sebenar peserta kursus ke INSTUN pada tempoh yang dikehendaki oleh penyelaras mahupun kompilasi statistik laporan setiap empat bulan sekali untuk dibentangkan di dalam Jawatankuasa Pengurusan Latihan (JPL).Daripada statistik inilah sesuatu perjalanan kursus dapat dinilai dari segi sambutan dan taburan data pejabat yang diwakili oleh peserta. Selanjutnya data-data tersebut dijadikan kayu ukuran pembangunan dan penambahbaikan kursus pada masa akan datang sama ada kursus masih perlu diteruskan atau tidak.

- **Relevan**

Penggunaan eSPEK sememangnya relevan pada masa kini kerana faktor penjimatan masa dan kemudahan capaian yang menyeluruh dalam mendapatkan maklumat kursus secara holistik. Tanpa sistem yang efektif kerja-kerja kemasukan data secara manual akan melambatkan dan merencatkan proses kerja seharian yang mengambil masa agak lama. Keperluan data-terkini maklumat kursus berkaitan amat membantu urusan-urusan kemaskini penggunaan bilik kuliah, asrama, jadual penceramah yang merangkumi data sebelum , semasa dan selepas kursus dijalankan.

INSTUN bercita-cita untuk lahir sebagai pusat latihan yang terunggul di Malaysia. Dengan berbekalkan cita-cita tersebut, pengurusan kursus yang menjadi tonggak utama kepada perkhidmatan INSTUN perlu disokong oleh suatu sistem yang mudah dikendalikan, tepat dan juga sistematik bagi mengambil alih peranan sumber manusia secara amnya. Oleh yang demikian inovasi penghasilan sebuah sistem pengurusan kursus yang diberi nama eSPEK ini, perlu lah menjadi titik tolak kepada perubahan tersebut.

Sebuah organisasi latihan memerlukan satu sistem yang berkesan dan sistematik bagi memastikan perjalanan pengurusan sistem latihan dapat ditadbir urus dengan efektif. Program latihan adalah satu aspek penting yang tidak boleh dikesampingkan dalam rangka melahirkan pekerja terlatih dan profesional. Seterusnya mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan produktiviti serta meningkatkan imej organisasi (Don et. al, 2015).


Dengan merujuk kepada kenyataan Don et. al tersebut pengurusan yang sistematik amat diperlukan dalam meningkatkan imej INSTUN sebagai pusat latihan yang terunggul. Kewujudan eSPEK amat relevan dan selari dengan kemajuan teknologi pada masa kini.



Pada setiap penghujung tahun, Penyelaras Kursus akan mendaftarkan semua senarai kursus yang telah dipersetujui dalam Bengkel Modul Kursus Tahunan INSTUN ke dalam Sistem eSPEK. Setelah senarai kursus tahunan INSTUN di daftarkan ke dalam Sistem eSPEK, penyelaras kursus akan menjana surat tawaran kursus kepada semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui sistem. Proses penyelarasan kursus ini berterusan sehingga pemilihan peserta, penjaanaan surat

jemputan, pendaftaran peserta, urusan domestik (penginapan dan makan minum peserta), penyediaan sijil penyertaan, sehinggalah penyediaan laporan akhir kursus tahunan INSTUN. Sistem ini akan membantu penyelaras kursus untuk mengendalikan kursus di bawah seliaan mereka dengan lebih teratur dan menjimatkan masa.

ALIRAN RINGKAS



Selain memberikan fokus kepada kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh penyelaras kursus, sistem ini juga membantu pihak domestik INSTUN untuk menyediakan keperluan penginapan kepada peserta kursus yang telah mengesahkan kehadiran mereka melalui sistem. Proses daftar masuk dan keluar (check in/ check out) peserta juga dapat dilakukan secara sendiri menggunakan kiosk yang disediakan. Selain itu, ia juga membantu Bahagian Penyelidikan dan pembangunan untuk menyediakan laporan berkaitan prestasi kursus dan juga penilaian peserta di INSTUN yang akan dilaporkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Latihan INSTUN yang dijalankan secara berkala setiap sukuan tahun.


Implikasi daripada keberkesanan pengurusan kursus melalui sistem eSPEK ini, dapat menjamin kepercayaan berterusan para pelanggan INSTUN peserta kursus khususnya terhadap INSTUN sebagai pusat latihan yang terunggul. Dengan kajian ini diharapkan Sistem eSPEK dapat diperbaiki dari semasa ke semasa dengan melihat kepada cadangan-cadangan dan juga komen-komen yang diajukan oleh para responden untuk kelangsungan INSTUN sebagai satu-satunya organisasi yang menganjurkan kursus-kursus berteraskan ukur dan tanah negara.

Peningkatan sistem yang dilakukan, selain mengambil kira keperluan pengguna semasa, turut menitik beratkan aspek teknologi terkini dari semasa ke semasa. Pada tahun 2014, INSTUN mula menggunakan kiosk elektronik untuk daftar masuk peserta kursus ke bilik penginapan. Ini bertujuan untuk memudahkan para peserta dan juga pengurusan domestik INSTUN dari segi daftar rekod dan juga bagi mengatasi masalah sumber manusia. Penggunaan kiosk ini diharapkan dapat membantu memudahkan urusan daftar masuk dan meringkaskan proses tersebut telah tercapai. Data-data peserta sedia ada daripada sistem eSPEK, diintegrasikan kepada kiosk. Oleh yang demikian, peserta hanya perlu memasukkan kad pengenalan di kiosk dan mendapatkan kad akses bilik melalui kiosk itu juga. Proses daftar masuk boleh dilakukan secara sendiri oleh peserta kerana pegawai domestik telah pun mengagihkan bilik melalui sistem.

Pada tahun 2015, eSPEK maju setapak lagi dengan melancarkan aplikasi mudah alihnya iaitu eSPEK Mobil. Dengan mengambil kira *nature* pegawai yang berkhidmat di pejabat tanah dan juga jabatan ukur yang menjadi pelanggan utama kursus di INSTUN, ketiadaan

mereka di pejabat kerana terlibat dengan kerja-kerja luar, amat menyukarkan mereka untuk mendapatkan senarai terkini kursus-kursus di INSTUN secara atas talian melalui komputer. Dengan adanya aplikasi mudah alih ini, mereka boleh mendapatkan senarai kursus dan seterusnya mendaftarkan diri ke dalam kursus-kursus yang diperlukan.

9. Gambar/Illustrasi Inovasi



Antara Muka Sistem Pengurusan Kursus INSTUN (eSPEK)

KIOSK eSTAY




Kiosk Daftar Masuk/Keluar Bilik Penginapan INSTUN

KAD KUNCI



Kad Akses ke Bilik Penginapan

eSPEK MOBIL



Antara Muka Aplikasi eSPEK Mobil